

## **Pengajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing kepada Pelajar dari Negara China: Perkongsian Pengalaman di Universiti Sains Malaysia**

**Mazlina Baharudin**

*Pusat Pengajian Bahasa, Literasi & Terjemahan, USM, Pulau Pinang.*

0126116064

*mazlina@usm.my*

**Razalina Md Radzi**

*Pusat Pengajian Bahasa, Literasi & Terjemahan, USM, Pulau Pinang.*

0195202014

*razalina@usm.my*

### **Abstract**

Universiti Sains Malaysia (USM) is one of the earliest public university which was established in Malaysia after Universiti Malaya. USM is also the first university that has been given the Apex status in Malaysia which is the highest recognition and trust granted by the Ministry of Higher Education Malaysia to USM. USM has received students from different countries such as China, Libya, Sudan, Egypt, Nigeria, Indonesia, Thailand, Japan, Korea and other countries. However, this research focuses only on the international students from China who were registered as undergraduates in USM. This paper is based on the writer's experiences in teaching Bahasa Malaysia III (LKM 300) as a university course that the students must pass as a requirement for international students to graduate. The main dimension of this research is to examine the effectiveness of teaching Malay language as a foreign language to international students (China) by using a teaching model that uses the Bahasa Malaysia III (LKM300) course module ) as determined by the School of Languages, Literacies and Translation. The research method used is full literature where the writers had referred to 43 international student's final exam scripts that have taken the LKM300 course in the

first semester of the 2012/2013 academic session. Their final exam result was taken for full analysis based on the different sections in the exam paper to be used as a source to conclude the research. This research is hoped to be able to provide an explanation of the effective results of the successful usage of the course module and students' achievement.

**Keywords:** teaching, foreign language, international students

### **A. Introduksi**

Universiti Sains Malaysia mewajibkan semua pelajar antarabangsa pada peringkat ijazah pertama mengambil kursus Bahasa Malaysia III (LKM 300) sebagai kursus wajib pengijazahan bagi beberapa pusat pengajian. Kursus ini merupakan kursus Bahasa Malaysia peringkat permulaan. Pelajar diajar cara menyebut perkataan mengikut Sistem Bunyi Bahasa Malaysia. Pelajar diperkenalkan dengan tatabahasa asas dan dilatih membina ayat yang mudah. Kosa kata yang diperkenalkan lebih kurang 1500 patah perkataan meliputi kata nama, kata kerja, kata sendi nama, kata adjektif dan kata tugas. Isi kandungan modul kursus Bahasa Malaysia III (LKM 300) terdiri daripada 9 bahagian yang perlu diselesaikan proses pengajaran dan pembelajaran selama 15 minggu termasuk sesi ujian dan penilaian. Kandungan modul terdiri daripada sub tajuk seperti kata nama, kata kerja, kata adjektif, kata sendi nama, kata hubung dan kata pemeris. Kursus ini juga membolehkan pelajar menggunakan perbualan yang mudah dalam pelbagai situasi harian. Pelajar juga akan didedahkan dengan budaya masyarakat Malaysia khususnya budaya Melayu.

Struktur kursus ini dapat dibahagikan pada dua bahagian itu bahagian kerja kursus dan bahagian peperiksaan akhir yang masing-masingnya mewakili 50% markah pada setiap bahagian. Terdapat tiga penilaian dalam bahagian kerja kursus iaitu ujian bertulis (20 markah), pembentangan lisan di dalam kelas (10 markah), dan ujian lisan perseorangan (20 markah). Manakala peperiksaan akhir semester mewakili 50% markah lagi. Setiap pelajar dikehendaki mengambil kedua-dua bahagian peperiksaan dengan sekurang-kurangnya mendapat gred C.

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa asing, kita mengetahui beberapa metode pengajaran bahasa asing yang popular yang dilandasi oleh pokok pemikiran yang merupakan landasan teori yang dianutinya. Walaupun beberapa metode kelihatannya mempunyai pendekatan yang hampir sama, tetapi setiap metode pengajaran bahasa asing memiliki ciri-ciri khas yang menonjol sehingga kelihatan perbezaan yang jelas antara satu metode dengan metode pengajaran bahasa asing yang lain. Antara metode pengajaran bahasa asing yang boleh digolongkan agak baru adalah seperti Community Language Learning (CLL), Suggestopedia, Total Physical Response, The Silent Way, Rapid

Acquisition dan Audio Visual yang dikenali pula dengan metode Saint-Cloud (Dahaman, 1998).

Jadual 1. Jumlah pelajar antarabangsa dari negara China yang mengambil Kursus Bahasa Malaysia III

Sidang akademik	Semester 1	Semester 2	Bilangan pelajar
2014/2015	17	21	38
2013/2014	23	15	38
2012/2013	43	36	79
2011/2012	84	49	133
<b>Jumlah</b>			<b>288</b>

(Sumber: Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan, Universiti Sains Malaysia)

## B. Teori Pembelajaran Bahasa

Teori pembelajaran bahasa merujuk penjelasan tentang proses, prinsip dan hukum pembelajaran yang dihasilkan melalui kajian saintifik. Kajian linguistik menunjukkan bahawa terdapat banyak teori pemerolehan bahasa yang dikemukakan oleh sarjana yang terkenal dan berwibawa seperti Ivan Pavlov (1849- 1936), John. B. Watson (1878 – 1958), B.F. Skinner (1904 – 1990) E. L. Thorndike (1874 – 1949) dan banyak lagi sarjana mutakhir yang memberikan sumbangan yang bermakna dalam pembentukan teori pembelajaran bahasa. Terdapat empat mazhab teori pembelajaran bahasa yang terkenal seperti Teori Behavioris, Teori Kognitivistik, Teori Sosial dan Teori Humanis. Noam Chomsky meletakkan Teori Mekanis sebagai Teori Empiris dan Teori Mentalis yang digerakkannya sendiri sebagai Teori Rasionalis. Manakala W.M. Rivers pula menyebut Teori Mekanis sebagai Teori Aktivistik dan Teori Mentalis pula sebagai Teori Formalis. Aliran teori yang terbentuk daripada kedua-dua teori ini disebut sebagai Aliran Behavioris dan Aliran Mentalis.

Di Malaysia kajian terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa telah banyak dilakukan oleh banyak penyelidik. Namun penyelidikan terhadap pengajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing agak kurang didapati. Kebanyakan penyelidik lebih cenderung melihat kaedah pengajaran bahasa Melayu sebagai bahasa pertama contohnya seperti Razak (2000), Salleh, Salleh, Aman, & Jaafar (2000), Arshad (1999) dan banyak lagi penyelidik yang memfokuskan pengajaran bahasa Melayu sebagai bahasa pertama. Kajian terhadap kemahirwacanaan bahasa kedua dan Ambigapathy (Pandian, 2000).

Kajian ini dijalankan adalah untuk membincangkan keberkesanan pengajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing dengan menggunakan kaedah

pengajaran berasaskan modul yang digunakan sepenuhnya semasa proses pengajaran dan pembelajaran (Nasir, 1998). Penandaarasan bagi kajian ini dengan melihat hasil peperiksaan akhir semester pelajar berdasarkan markah bagi setiap topik yang diuji dan dinilai. (Hamid, Atoma, Othman, & Mohd. Nasir, 2004)

### C. Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kepustakaan. Reka bentuk kajian ini berbentuk kajian kualitatif. Ia melibatkan data kualitatif yang diperoleh melalui analisis kesan pada kognitif yang disokong dengan perhatian yang mendalam terhadap proses semasa pelajar menggunakan modul. Rujukan terhadap kertas peperiksaan akhir pelajar yang mengambil peperiksaan Bahasa Malaysia III (LKM 300) semester pertama sidang akademik 2012/2013. Sampel kajian terdiri daripada 43 skrip peperiksaan akhir yang telah dinilai oleh guru. Markah peperiksaan akan dinilai dan dianalisis berdasarkan setiap jawapan yang terdapat dalam skrip jawapan berdasarkan objektif kajian. Data yang telah dikutip akan dianalisis secara kualitatif.

### D. Temuan Kajian

#### 1. Reka Bentuk Modul

Modul Bahasa Malaysia III (LKM 300) terdiri daripada 9 bahagian yang perlu diselesaikan proses pengajaran dan pembelajaran selama 15 minggu termasuk sesi ujian dan penilaian.

#### Bahagian A - Tatabahasa

Bahagian A menerangkan penggunaan tatabahasa dengan betul yang merangkumi kata nama, kata kerja, kata ajdektif, kata sendi nama, kata hubung dan kata pemer. Bahagian ini bertujuan pelajar dapat menulis karangan dan menjawab soalan pemahaman dengan menggunakan bahasa Melayu dengan baik serta membaiki kesalahan penggunaan kata yang telah menjadi kelaziman dalam penggunaan seharian.

- i) Kata Nama- Jenis kata nama yang diajar ialah kata nama khas, kata nama am dan kata ganti nama. Contoh kata nama khas, *Mohammad*. Contoh kata nama am, *pelancong*. Contoh kata ganti nama, *saya*, *itu* dan *ini*. Imbuhan yang terdapat dalam kata nama ialah *peN-*, *peR-*, *ke-*, *-an*, *peN-...-an*, *peR-...-an*, dan *ke-...-an*. Contohnya, *pembekuan*, *keindahan*, *persahabatan* dan *minuman*.
- ii) Kata Kerja- Kata kerja terbahagi pada dua iaitu kata kerja tak transitif dan kata kerja transitif. Kata kerja tak transitif pula terbahagi pada kata kerja tak transitif tidak berpelengkap dan kata kerja tak transitif berpelengkap. Contoh kata kerja tak transitif, *tidur*. Kata kerja transitif terbahagi pada dua juga iaitu kata kerja transitif aktif dan kata kerja transitif pasif. Contoh kata kerja transitif, *makan*. Imbuhan yang terdapat dalam kata kerja ialah *ber-*, *meN-*, *ter-*, *di-*, *-kan*, *-i*, *meN-...-kan*, *meN-...-i*, *memper-*, *memper-...-kan* / *-i*, *diper-*, dan *diper-...-kan* / *-i*.

- iii) Kata Adjektif- Kata adjektif ialah kata yang menerangkan sifat atau keadaan benda, kata nama atau kata kerja. Jenis-jenis kata adjektif ialah sifat, warna, ukuran, bentuk, masa, jarak, cara, perasaan dan pancaindera. Contohnya, *bijak*. Kata adjektif juga boleh disertai dengan kata penguat yang berfungsi untuk menguatkan maksud yang terkandung dalam kata adjektif. Contohnya, *sangat, paling, sekali, dan terlalu*.
- iv) Kata Sendi Nama- Kata sendi nama digunakan sebelum kata nama dan frasa nama untuk menunjukkan tempat, arah, masa atau sebab akibat sesuatu. Contohnya, *di, dari, kepada, antara, untuk* dan *akan*.
- v) Kata Hubung- Kata hubung berfungsi menghubungkan perkataan dengan perkataan, frasa dengan frasa dan klausa dengan klausa. Contohnya, *dan, kerana, sambil, lalu, atau* dan *tetapi*.
- vi) Kata Pemerih- Perangkai antara subjek dengan frasa-frasa utama dalam predikat. Kata pemerih terdiri daripada *ialah* dan *adalah*. Kata pemerih *ialah* hadir di hadapan frasa nama manakala kata pemerih *adalah* hadir di hadapan frasa adjektif dan frasa sendi nama. Contoh kata pemerih *ialah, Saya ialah pelajar Universiti Sains Malaysia*. Contoh kata pemerih *adalah, Perkara ini adalah sangat penting* (Mahmood, 1999).

### **Bahagian B - Karangan**

Pelajar diajar cara menulis karangan yang baik yang mampu memberikan tenaga pada isi yang disampaikan. Karangan tersebut perlu mempunyai pengenalan dan penutup yang baik manakala isi karangan mestilah mengandungi hal-hal yang bermanfaat yang dapat memenuhi kehendak pembaca. Huraian bagi setiap isi harus mencerminkan bahawa pengarang memang menguasai dan menghayati persoalan yang dihuraikannya. Jenis karangan yang diajar ialah karangan bergambar sama ada gambar tunggal atau gambar bersiri, karangan catatan diari, karangan autobiografi, karangan cereka / pengalaman / gambaran dan karangan bentuk pendapat. Pelajar perlu menulis karangan yang berjumlah antara 220-250 patah perkataan.

### **Bahagian C - Kefahaman**

Pelajar diberikan teks kefahaman untuk difahami, menguji proses pemikiran pelajar dan melihat keupayaan pelajar menjawab soalan-soalan yang diberikan dengan mengaplikasikan pengetahuan mereka. Pelajar perlu memahami teks tersebut dengan teliti untuk memahami isi, maksud, maklumat dan mesej yang ingin disampaikan. Pelajar juga perlu mencari maksud yang tersurat dan tersirat yang terdapat dalam teks tersebut. Tersurat bermaksud jelas menunjukkan maksud mesej dan maklumat yang ingin disampaikan oleh teks manakala tersirat bermaksud tidak jelas menunjukkan maksud mesej dan mengandungi maklumat tersembunyi yang perlu ditafsirkan oleh pelajar.

### **Bahagian D - Ayat Aktif dan Ayat pasif**

Pelajar diajar maksud ayat aktif dan ayat pasif dan cara menukarkan ayat aktif menjadi ayat pasif atau sebaliknya. Perbezaan yang terdapat dalam ayat aktif tersebut ialah subjek asal diutamakan manakala dalam ayat pasif, objek diutamakan sebagai unsur yang diterangkan. Contoh ayat aktif, *Mereka membaca buku itu*. Contoh ayat pasif, *Buku itu dibaca oleh mereka*.

### **Bahagian E - Membina Ayat**

Pelajar diberikan beberapa perkataan dan diminta membina ayat mudah iaitu tidak kurang daripada enam patah perkataan yang menunjukkan maksud perkataan tersebut dengan jelas. Pelajar juga perlu membezakan maksud perkataan berdasarkan imbuhan yang digunakan pada kata dasar. Contohnya perkataan *menaiki* – *Kumpulan itu menaiki feri terakhir untuk ke Pulau Langkawi*. Pelajar tidak boleh menambahkan atau menukarkan imbuhan pada perkataan tersebut.

### **Bahagian F - Penanda Wacana**

Pelajar diajar cara menggunakan penanda wacana iaitu kata hubung atau frasa untuk menghubungkan atau menyambung idea antara ayat pertama dengan ayat kedua dan antara perenggan dengan perenggan yang lain. Contoh penanda wacana ialah *selain itu, oleh itu, justeru, walau bagaimanapun* dan *oleh yang demikian*.

### **Bahagian G-Menggabungkan Ayat**

Pelajar diajar cara membina ayat yang sempurna susunannya iaitu ayat utama, ayat majmuk gabungan dan ayat majmuk pancangan dengan menggunakan kata sendi nama dan kata hubung yang sesuai serta penanda wacana untuk memantapkan idea yang ingin disampaikan. Contohnya, *Kita mesti bertolak sekarang. Hari semakin gelap. Tempat perkhemahan itu masih jauh*. Jawapannya, *Kita mesti bertolak sekarang kerana hari semakin gelap manakala tempat perkhemahan itu masih jauh*.

### **Bahagian H - Membetulkan ayat**

Pelajar diberikan ayat yang mengandungi kesalahan sama ada dari segi ejaan, imbuhan, penggunaan kata ataupun struktur ayat. Pelajar perlu membaiki atau membetulkan kesalahan yang terdapat dalam ayat tersebut supaya menjadi ayat yang sempurna. Contoh ayat yang mengandungi kesalahan ayat ialah *Oleh kerana terlalu laju, motosikal yang abang naiki telah melanggar pasu bunga kesayangan ibu*. Jawapannya, *Oleh sebab terlalu laju, motosikal yang abang tunggangi telah melanggar pasu bunga kesayangan ibu*.

### **Bahagian I - Lisan**

Pelajar diberikan tajuk lisan dalam bentuk individu dan kumpulan. Bahagian ini bertujuan menguji keupayaan pelajar menggunakan bahasa Melayu

dengan baik pada akhir pembelajaran kursus ini. Pelajar diberi peluang mengikut kreativiti masing-masing untuk bercakap di hadapan kelas, contohnya menghasilkan kraf tangan atau bercerita tentang keunikan berkaitan dengan negara masing-masing seperti makanan, pakaian dan perkahwinan.

## 2. Model Peperiksaan Akhir Semester

Peperiksaan akhir semester diadakan apabila pelajar mengikuti kelas empat jam seminggu dalam dua kali pertemuan selama 15 minggu. Peperiksaan akhir tersebut mengambil masa selama dua jam dan komposisi soalan dan pembahagian markah adalah seperti yang terdapat pada jadual 2 di bawah.

Jadual 2: Komposisi soalan dan pembahagian markah Bahasa Malaysia III

SOALAN	MARKAH PENUH	HURAIAN	MAKLUMAT BERKAITAN
A	40	Pilih dan jawab satu karangan daripada empat pilihan soalan.	<p>Pembahagian markah:</p> <p>Isi – 10 markah</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• ½ markah – pendahuluan</li> <li>• ½ markah - penutup</li> <li>• 4 isi – 2 markah seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ 1 markah – bagi setiap isi mengikut ketepatan/kesesuaian</li> <li>▪ ½ markah bagi huraian</li> <li>▪ ½ markah bagi contoh</li> </ul> </li> </ul> <p>Organisasi – 7 markah</p> <p>Bahasa – 20 markah</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• 1 kesalahan ditolak 1 markah <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Ejaan (E) – 5 markah</li> <li>▪ Kata/frasa (K) – 5 markah</li> <li>▪ Imbuhan (I) – 5 markah</li> <li>▪ Struktur ayat (S) – 5 markah</li> </ul> </li> </ul> <p>Kesan keseluruhan – 3 markah</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Markah diberikan dari sudut</li> </ul>

Pengajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing

			bahasa, gaya, penyampaian, kejelasan dan kerapian/kekemasan tulisan.
B	20	5 soalan kefahaman – jawab semua.	<u>Soalan 1-5:</u> Jawab soalan berdasarkan petikan yang diberikan.
C	10	Isi tempat kosong dengan kata hubung yang sesuai.	<u>Soalan 1-10:</u> Isi tempat kosong dengan kata hubung yang sesuai .Terdapat 10 tempat kosong dan 1 markah akan diberikan bagi setiap satu jawapan yang betul.
	5	Tukar ayat diberikan menjadi ayat aktif.	<u>Soalan 1-5:</u> Tukar ayat yang diberikan menjadi ayat aktif. 1 markah akan diberikan bagi setiap satu jawapan yang betul.
	5	Tukar ayat diberikan menjadi ayat pasif.	<u>Soalan 1-5:</u> Tukar ayat yang diberikan menjadi ayat pasif. 1 markah akan diberikan bagi setiap satu jawapan yang betul.
	10	Berikan imbuhan yang sesuai bagi perkataan yang terdapat dalam kurungan.	Isi tempat kosong dengan kata berimbuhan yang sesuai .Terdapat 10 tempat kosong dan 1 markah akan diberikan bagi setiap satu jawapan yang betul.
	10	Bina ayat berdasarkan makna perkataan.	<u>Soalan 1 -5:</u> Setiap ayat yang dibina mestilah mengandungi lebih daripada ENAM (6) patah perkataan. Setiap jawapan yang betul makna dan strukturnya akan diberikan 2 markah.

Jadual 3: Jadual spesifikasi ujian Bahasa Malaysia III

No.	Bentuk soalan	Penge-tahuan	Kefa-haman	Aplikasi	Analisis	Sintesis	Penilai-an	Bilangan Soalan	Markah
A	Karangan	√	√	√	√	√	√	4	40



## Pengajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing

B	Kefahaman	√	√	√	√	√	√	5	20
C	Isi tempat kosong dengan kata hubung yang sesuai.	√	√	√		√	√	10	10
	Tukar ayat diberikan menjadi ayat aktif.	√	√	√	√	√	√	5	5
	Tukar ayat diberikan menjadi ayat pasif.	√	√	√	√	√	√	5	5
	Berikan imbuhan yang sesuai bagi perkataan yang terdapat dalam kurungan.	√	√	√	√	√	√	10	10
	Membina ayat berdasarkan makna perkataan.	√	√	√	√	√		5	10
							<b>JUMLAH</b>	<b>44</b>	<b>100</b>

### 3. Keputusan Kajian dan Analisis Data

Sebanyak 43 skrip jawapan peperiksaan akhir Bahasa Malaysia III (LKM 300) Semester I, Sidang Akademik 2012/2013 dikumpul bagi tujuan pengumpulan dan penganalisan data. Kesemua skrip peperiksaan merupakan skrip jawapan pelajar pada peringkat ijazah pertama dari luar negara (China). Analisis statistik deskriptif telah digunakan untuk melihat purata dan peratusan variabel berkaitan data bagi menjelaskan prestasi pelajar dalam peperiksaan akhir tersebut.

#### 1. Tulis karangan berdasarkan soalan yang diberikan (40 markah)

Empat jenis soalan karangan yang diberikan. Antaranya karangan berbentuk huraian, autobiografi, catatan pengalaman dan karangan bergambar. Semua 43 orang pelajar (100%) memilih soalan berbentuk catatan pengalaman.

## 2. Petikan Kefahaman (10 markah)

Soalan 1, menggunakan kata tanya *apakah*. Seramai 36 orang pelajar (83.7%) memberikan jawapan yang betul. Seramai 7 orang pelajar (16.3%) memberikan jawapan yang salah. Soalan 2, menggunakan kata tanya *mengapakah*. Semua 43 orang pelajar (100%) memberikan jawapan yang betul. Soalan 3, menggunakan kata tanya *apakah*. Seramai 41 orang pelajar (95.3%) memberikan jawapan yang betul. Seramai 2 orang pelajar (4.7%) memberikan jawapan yang salah. Soalan 4, menghuraikan maksud frasa. Seramai 2 orang pelajar (4.7%) memberikan jawapan yang betul. Seramai 41 orang pelajar (95.3%) memberikan jawapan yang salah. Soalan 5, memerlukan pelajar memberikan pendapat sendiri. Seramai 31 orang pelajar (72.1%) memberikan jawapan yang betul. Seramai 12 orang pelajar (27.9%) memberikan jawapan yang salah.

## 3. Isi Tempat Kosong dengan Kata Hubung yang Sesuai (10 markah)

Soalan 1, menggunakan kata hubung *kerana*. Seramai 3 orang pelajar (7.0%) memberikan jawapan yang betul. Seramai 40 orang pelajar (93.0%) memberikan jawapan yang salah. Soalan 2, menggunakan kata hubung *lalu*. Seramai 15 orang pelajar (34.8%) memberikan jawapan yang betul. Seramai 28 orang pelajar (65.2%) memberikan jawapan yang salah. Soalan 3, menggunakan kata hubung *atau*. Seramai 15 orang pelajar (34.8%) memberikan jawapan yang betul. Seramai 28 orang pelajar (65.2%) memberikan jawapan yang salah. Soalan 4, menggunakan kata hubung *sambil*. Seramai 23 orang pelajar (53.4%) memberikan jawapan yang betul. Seramai 20 orang pelajar (46.6%) memberikan jawapan yang salah. Soalan 5, menggunakan kata hubung *sejak*. Seramai 2 orang pelajar (4.7%) memberikan jawapan yang betul. Seramai 41 orang pelajar (95.3%) memberikan jawapan yang salah. Soalan 6, menggunakan kata hubung *kerana*. Seramai 20 orang pelajar (46.5%) memberikan jawapan yang betul. Seramai 23 orang pelajar (53.5%) memberikan jawapan yang salah. Soalan 7, menggunakan kata hubung *selepas*. Semua 43 orang pelajar (100%) memberikan jawapan yang salah. Soalan 8, menggunakan kata hubung *malahan*. Semua 43 orang pelajar (100%) memberikan jawapan yang salah. Soalan 9, menggunakan kata hubung *tetapi*. Seramai 12 orang pelajar (27.9%) memberikan jawapan yang betul. Seramai 31 orang pelajar (72.1%) memberikan jawapan yang salah. Soalan 10, menggunakan kata hubung *bahawa*. Seramai 2 orang pelajar (4.6%) memberikan jawapan yang betul. Seramai 41 orang pelajar (95.4%) memberikan jawapan yang salah.

## 4. Tukar Ayat Aktif Menjadi Ayat Pasif (10 markah)

Soalan 1, seramai 38 orang pelajar (88.4%) memberikan jawapan yang betul. Seramai 5 orang pelajar (11.6%) memberikan jawapan yang salah. Soalan 2, seramai 31 orang pelajar (72.1%) memberikan jawapan yang betul. Seramai 12 orang pelajar (27.9%) memberikan jawapan yang salah. Soalan 3, seramai 33 orang pelajar (76.7%) memberikan jawapan yang betul. Seramai 10 orang pelajar

(23.3%) memberikan jawapan yang salah. Soalan 4, seramai 37 orang pelajar (86.0%) memberikan jawapan yang betul. Seramai 6 orang pelajar (14.0%) memberikan jawapan yang salah. Soalan 5, seramai 38 orang pelajar (88.4%) memberikan jawapan yang betul. Seramai 5 orang pelajar (11.6%) memberikan jawapan yang salah.

### **5. Tukar Ayat Pasif Menjadi Ayat Aktif (10 markah)**

Soalan 1, seramai 30 orang pelajar (69.7%) memberikan jawapan yang betul. Seramai 13 orang pelajar (30.3%) memberikan jawapan yang salah. Soalan 2, seramai 29 orang pelajar (67.4%) memberikan jawapan yang betul. Seramai 14 orang pelajar (32.6%) memberikan jawapan yang salah. Soalan 3, seramai 35 orang pelajar (81.3%) memberikan jawapan yang betul. Seramai 8 orang pelajar (18.7%) memberikan jawapan yang salah. Soalan 4, seramai 26 orang pelajar (60.4%) memberikan jawapan yang betul. Seramai 17 orang pelajar (39.6%) memberikan jawapan yang salah. Soalan 5, seramai 30 orang pelajar (69.7%) memberikan jawapan yang betul. Seramai 13 orang pelajar (30.3%) memberikan jawapan yang salah.

### **6. Isi Tempat Kosong dengan Imbuhan meN...i atau meN...kan (10 markah)**

Soalan 1, *memainkan*. Seramai 24 orang pelajar (55.8%) memberikan jawapan yang betul. Seramai 19 orang pelajar (44.2%) memberikan jawapan yang salah. Soalan 2, *memahami*. Seramai 5 orang pelajar (11.6%) memberikan jawapan yang betul. Seramai 38 orang pelajar (88.4%) memberikan jawapan yang salah. Soalan 3, *mecabangkan*. Seramai 11 orang pelajar (25.5%) memberikan jawapan yang betul. Seramai 32 orang pelajar (74.5%) memberikan jawapan yang salah. Soalan 4, *menghias*. Seramai 17 orang pelajar (39.5%) memberikan jawapan yang betul. Seramai 26 orang pelajar (60.5%) memberikan jawapan yang salah. Soalan 5, *mengeluarkan*. Seramai 14 orang pelajar (32.5%) memberikan jawapan yang betul. Seramai 29 orang pelajar (67.5%) memberikan jawapan yang salah. Soalan 6, *menghadihi*. Seramai 19 orang pelajar (44.1%) memberikan jawapan yang betul. Seramai 24 orang pelajar (55.9%) memberikan jawapan yang salah. Soalan 7, *menghidangkan*. Seramai 15 orang pelajar (34.8%) memberikan jawapan yang betul. Seramai 28 orang pelajar (67.5%) memberikan jawapan yang salah. Soalan 8, *menyatukan*. Seramai 21 orang pelajar (48.8%) memberikan jawapan yang betul. Seramai 22 orang pelajar (51.2%) memberikan jawapan yang salah. Soalan 9, *mengunjungi*. Seramai 5 orang pelajar (11.6%) memberikan jawapan yang betul. Seramai 38 orang pelajar (88.4%) memberikan jawapan yang salah. Soalan 10, *mendapatkan*. Seramai 13 orang pelajar (30.2%) memberikan jawapan yang betul. Seramai 30 orang pelajar (69.8%) memberikan jawapan yang salah.

### **7. Membina Ayat berdasarkan Makna Perkataan (10 markah)**

Soalan 1, *pengalaman*. Seramai 26 orang pelajar (60.4%) memberikan jawapan yang betul. Seramai 17 orang pelajar (39.6%) memberikan jawapan yang salah. Soalan 2, *membacakan*. Seramai 33 orang pelajar (76.7%) memberikan jawapan yang betul. Seramai 10 orang pelajar (23.3%) memberikan jawapan yang salah. Soalan 3, *kesihatan*. Seramai 14 orang pelajar (32.5%) memberikan jawapan yang betul. Seramai 29 orang pelajar (67.5%) memberikan jawapan yang salah. Soalan 4, *terjatuh*. Seramai 14 orang pelajar (32.5%) memberikan jawapan yang betul. Seramai 29 orang pelajar (67.5%) memberikan jawapan yang salah. Soalan 5, *persembahan*. Seramai 17 orang pelajar (39.5%) memberikan jawapan yang betul. Seramai 26 orang pelajar (60.5%) memberikan jawapan yang salah.

### **E. Perbincangan**

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti keberkesanan metode pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing dengan menggunakan modul. Hasil keputusan peperiksaan menunjukkan bahawa 79.1% pelajar memperoleh keputusan yang baik dan lulus sekurang-kurangnya mencapai gred C. Pelajar dapat memahami dan mengikuti setiap unit yang diajar dengan baik dan berkesan. Bahagian karangan, semua pelajar seramai 43 orang memilih karangan berbentuk catatan. Hal ini demikian kerana mereka mempunyai pengalaman peribadi yang boleh diceritakan dalam karangan tersebut. Bahagian pemahaman, bagi soalan 2, 43 orang pelajar menjawab dengan betul, manakala soalan 4, hanya 2 orang pelajar menjawab dengan betul. Bahagian kata hubung, bagi soalan 4, 23 orang pelajar menjawab dengan betul, manakala soalan 7 dan 8, semua memberikan jawapan yang salah. Bahagian ayat aktif, bagi soalan 1 dan 5, 38 orang pelajar menjawab dengan betul, manakala soalan 3, hanya 18 orang pelajar menjawab dengan betul. Bahagian ayat pasif, bagi soalan 3, 35 orang pelajar menjawab dengan betul, manakala soalan 4, hanya 26 orang pelajar menjawab dengan betul. Bahagian imbuhan, bagi soalan 1, 24 orang pelajar menjawab dengan betul, manakala soalan 2 dan 9, hanya 5 orang pelajar menjawab dengan betul. Bahagian buat ayat, bagi soalan 2, 33 orang pelajar menjawab dengan betul, manakala soalan 5, hanya 7 orang pelajar menjawab dengan betul.

Nilai markah pada bahagian-bahagian yang diuji dalam peperiksaan akhir bagi kursus Bahasa Malaysia III (LKM 300) menunjukkan bahawa pelajar lebih cenderung mendapat markah yang tinggi pada bahagian petikan kefahaman.

Purata keputusan peperiksaan akhir semester ialah 79.1% lulus dan 20.9% gagal. Keputusan keseluruhan ialah seramai 1 orang pelajar mendapat gred A-, 1 orang pelajar mendapat gred B+, 1 orang pelajar mendapat gred B, 9 orang pelajar mendapat gred B-, 8 orang pelajar mendapat gred C+ dan 18 orang pelajar mendapat gred C. Pelajar yang gagal pula seramai 2 orang pelajar mendapat gred C-, 5 orang pelajar mendapat gred D+ dan 2 orang pelajar

mendapat gred D-. Secara keseluruhannya, seramai 36 orang pelajar lulus dan seramai 7 orang pelajar gagal.

## F. Kesimpulan

Kajian mendapati bahawa penggunaan modul dalam Pengajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing kepada Pelajar Negara China merupakan satu metode pengajaran bahasa yang berkesan. Hal ini demikian kerana matlamat dan objektif kursus tercapai melalui penggunaan modul tersebut. Pelajar dapat membaca dengan sebutan dan intonasi yang betul, dapat memahami makna kata, frasa dan ayat mengikut konteks petikan pemahaman, mengetahui dan memahami jenis kata dan penggolongannya. Setelah keseluruhan modul pengajaran dan pembelajaran bahasa selesai dipelajari oleh pelajar, mereka mempunyai asas yang kukuh dalam mengaplikasikan bahasa Melayu dalam pelbagai situasi komunikasi seperti berkomunikasi sesama rakan, dalam urusan jual beli, bertanyakan sesuatu tempat, berkomunikasi dengan masyarakat kampus dan di luar kampus dan sebagainya. Kajian ini merupakan satu kajian yang terhadap pada keputusan peperiksaan akhir, maka dicadangkan kajian seterusnya dapat dilakukan terutama kajian terhadap kemampuan lisan pelajar antarabangsa di Universiti Sains Malaysia.

## BIBLIOGRAPHY

- Arshad, M. (1999). Memahami Pengajaran dan Pemelajaran Literasi Bahasa Melayu. *Dewan Bahasa - Jurnal Pembinaan dan Pengembangan Bahasa*, 580 – 587.
- Dahaman, I. (1998). Bahasa Melayu dan Pemeraksaannya. *Dewan Bahasa - Jurnal Pembinaan dan Pengembangan Bahasa*, 616 – 627.
- Daud, Nuraihan Mat. (2000). *Kesalahan Bahasa dalam Soalan Peperiksaan*. Dewan Bahasa - Jurnal Pembinaan dan Pengembangan Bahasa. 484 – 492
- Hamid, Zulkifley. (1999). *Teori, Kaedah dan Objektif dalam Pengajaran dan Pemelajaran Bahasa*. Dewan Bahasa - Jurnal Pembinaan dan Pengembangan Bahasa. 489 – 494.
- Hamid, Zulkifley. (2000). *Pengajaran dan Pemelajaran Bahasa Melayu di Malaysia: Hambatan dan Permasalahan*. Dewan Bahasa - Jurnal Pembinaan dan Pengembangan Bahasa. 818 – 848.
- Mahmod, Zamri. (1999). *Amalan Psikolinguistik Dalam Pengajaran- Pemelajaran Bahasa Melayu Di SRJK Cina*. Dewan Bahasa - Jurnal Pembinaan dan Pengembangan Bahasa. 825 – 841.
- Mahmod, Zamri. (2000). *Pemindahan Bahasa dalam Pengajaran – Pemelajaran Bahasa Kedua*. Dewan Bahasa - Jurnal Pembinaan dan Pengembangan Bahasa. 602 – 615.

- Mahmood, Ab. Rahim. (1997). *Mastery Learning: Aplikasi Pendekatan Pengajaran dan Pemelajaran Bahasa Melayu*. Dewan Bahasa - Jurnal Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, 822 – 830.
- Mahmood, Ab. Rahim. (1999). *Falsafah Pendidikan dan Hubungan Teori-Teori Pendekatan Kurikulum dalam Mempengaruhi Pengajaran Bahasa*. Dewan Bahasa - Jurnal Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, 61-71.
- Nasir, M. M. (1998). Permasalahan Pemelajaran Bahasa Melayu di Intitusi Pendidikan. *Dewan Bahasa - Jurnal Pembinaan dan Pengembangan Bahasa*, 223 – 232.
- Pandian, A. (2000). Pembacaan Dalam Bahasa Pertama dan Bahasa Kedua: Kajian Terhadap Pelajar Melayu Sekolah Menengah. *Dewan Bahasa - Jurnal Pembinaan dan Pengembangan Bahasa*, 219 – 227.
- Razak, N. (2000). Komunikasi di Alam Siber: Paradigma Baru Pengajaran Bahasa Melayu. *Dewan Bahasa - Jurnal Pembinaan dan Pengembangan Bahasa*, 1055 – 1062.
- Salleh, R. M., Salleh, I., Aman, I., & Jaafar, M. F. (2000). Prestasi Pelajar dalam Peperiksaan Penilaian Menengah Rendah: Analisis Berdasarkan Format Soalan Bahasa Melayu I. *Dewan Bahasa - Jurnal Pembinaan dan Pengembangan Bahasa*, 1063 – 1076.